

PENDAHULUAN

0.1 PENGENALAN

Manuskrip Melayu merupakan antara khazanah berharga yang ditinggalkan oleh ilmuan terdahulu. Menelusuri konteks di Malaysia, terdapat banyak lagi manuskrip yang tidak dikaji oleh penyelidik khususnya manuskrip yang berunsurkan Islam seperti manuskrip *Hikayat Mukjizat Nabi*.

Apabila membicarakan berkaitan manuskrip Melayu berunsurkan Islam, pasti persoalan yang akan timbul ialah berkaitan kebolehpercayaannya sama ada ia bersumberkan sumber yang *sahīh* atau tidak. Terdapat satu unsur yang tidak terlepas daripada manuskrip ini iaitu unsur *Isrā’iliyyāt*. Justeru, dalam kajian ini penulis akan mengkaji satu kajian yang belum dikaji oleh penyelidik-penyelidik terdahulu iaitu “*Isrā’iliyyāt Dalam Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap Hikayat Mukjizat Nabi*.”

0.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Perkembangan Islam di Alam Melayu telah bermula sekitar abad ke-11 sehingga mencapai puncaknya pada abad ke-16. Dengan perkembangan tersebut, maka muncullah karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional atau lebih dikenali sebagai manuskrip Melayu.¹

¹Harun Mat Piah et al. (2000), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Edisi Kedua, Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.

Melalui manuskrip Melayu, ajaran-ajaran Islam dapat disebarluaskan secara meluas, namun pada awalnya hanya secara lisan sahaja. Kemudian ia telah pun berkembang kepada penulisan di mana kebanyakannya adalah berbentuk naratif atau hikayat.

Dalam menyoroti karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional, terdapat pelbagai manuskrip naratif yang dihasilkan oleh pengarang Melayu sebagai pedoman hidup masyarakat. Antaranya ialah manuskrip yang berunsurkan rakyat, panji, epik, sejarah, hikayat nabi-nabi dan sebagainya. Namun, penulis lebih tertarik untuk mengkaji manuskrip naratif yang berunsurkan Islam iaitu mengenai *Hikayat Nabi Muhammad S.A.W*² dan penulis memfokuskan kajian terhadap *Hikayat Mukjizat Nabi*. Hikayat ini terdiri daripada *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan *Hikayat Mi'rāj Nabi*.

Hikayat Mukjizat Nabi tersebut telah dihasilkan oleh pengarang-pengarang Melayu yang mempunyai semangat keislaman dan daya kekreatifan yang tinggi. Namun, persoalannya ialah adakah hikayat-hikayat tersebut bersumberkan prinsip-prinsip yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Hadīth dan adakah di dalamnya mempunyai unsur-unsur mitos, lagenda atau *Isrā'īliyyāt*?

Justeru untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut, maka ia telah mendorong penulis untuk melakukan kajian tentang "*Isrā'īliyyāt Dalam Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap Hikayat Mukjizat Nabi*."

² *Hikayat Nabi Muhammad* atau cerita tentang Nabi Muhammad adalah dianggap sebagai paling tua usianya jika dibandingkan dengan karya kesusasteraan pengaruh Islam yang lain. Tambahan pula, cerita-cerita seperti ini muncul seiring dengan kedatangan Islam di Alam Melayu. Rujuk Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Ghani (2002), *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-tokoh Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Selangor: Dawama Sdn. Bhd., h. 18.

0.3 PERUMUSAN KAJIAN

Penulis telah memilih tajuk ini berdasarkan beberapa faktor dan masalah.

Antaranya ialah:

- I. Bagaimana bermulanya penulisan dalam manuskrip Melayu?
- II. Apakah faktor kemasukan *Isrā' īliyyāt* dalam manuskrip Melayu?
- III. Bagaimanakah jenis-jenis *Isrā' īliyyāt* dalam manuskrip *Hikayat Mukjizat Nabi*?
- IV. Adakah terdapat *Isrā' īliyyāt* dalam manuskrip *Hikayat Mukjizat Nabi*?

0.4 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini ialah:

- I. Menjelaskan sejarah kemunculan penulisan dalam manuskrip Melayu.
- II. Mengkaji faktor kemasukan *Isrā' īliyyāt* dalam manuskrip Melayu.
- III. Menghuraikan latar belakang manuskrip *Hikayat Mukjizat Nabi* secara khusus.
- IV. Menganalisis *Isrā' īliyyāt* dalam manuskrip *Hikayat Mukjizat Nabi*.

0.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui kajian ini, terdapat beberapa kepentingan tersendiri yang dapat memberi banyak faedah dan maklumat terbaru kepada penulis dan juga masyarakat khususnya.

1. Kajian ini penting untuk mengetahui kedudukan *Isrā' īliyyāt* dan manuskrip Melayu.
2. Memperkenalkan manuskrip Melayu kepada masyarakat khususnya manuskrip Melayu yang berunsurkan Islam.
3. Mengetahui latar belakang manuskrip *Hikayat Mukjizat Nabi* secara khusus.
4. Kajian ini juga penting untuk penulis menelusuri dan menganalisis *Isrā' īliyyāt* dalam manuskrip *Hikayat Mukjizat Nabi*.

0.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini berkaitan “*Isrā' īliyyāt* Dalam Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap *Hikayat Mukjizat Nabi*.” Dalam *Hikayat Mukjizat Nabi* tersebut, ia terdiri daripada *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan *Hikayat Mi‘rāj Nabi*. Namun, ketiga-tiga hikayat tersebut mempunyai banyak versi dan penulis hanya mengambil dan memfokuskan kajian kepada *Hikayat Nabi bercukur* (MSS 2706 C), *Hikayat Nabi Mi‘rāj* (MSS 3411) dan *Hikayat Bulan Berbelah* (MSS 2706 B) sebagai sampel kajian.

0.7 PENGERTIAN TAJUK

Di sini penulis akan menghuraikan perkataan-perkataan yang penting dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- i) *Isrā ’īliyyāt* ialah perkhabaran, periwayatan dan kisah-kisah yang bersumberkan dari Yahudi atau Nasrani yang telah mewarnai pengkajian tafsir dan sunnah.³
- ii) Manuskrip Melayu: Merujuk kepada sebarang naskhah bertulisan tangan sama ada di tulis pada kertas, kulit, daun, buluh dan sebagainya.
- iii) *Hikayat Mukjizat Nabi*: Salah satu manuskrip naratif yang berunsurkan Islam. Manuskrip ini terdiri daripada *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan *Hikayat Mi’rāj Nabi*. Ia dikarang oleh pengarang Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi dalam bahasa Melayu.

0.8 KAJIAN LEPAS

Dalam menyempurnakan kajian ini, penulis telah menyemak dan meneliti beberapa karya atau kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk penulis. Namun, sepanjang pemerhatian penulis, kajian-kajian yang dilakukan adalah tidak menyentuh secara khusus mengenai “*Isrā ’īliyyāt* Dalam Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap *Hikayat Mukjizat Nabi*.”

Walau bagaimanapun, terdapat satu kajian yang membahaskan tentang Unsur-Unsur Lagenda dalam Hikayat Melayu yang Bercorak Islam. Kajian tersebut dilakukan oleh Ismail Hamid.⁴ Hasil dapatan kajian, penulis mendapati bahawa kajian tersebut telah membahaskan unsur-unsur lagenda dalam hikayat Melayu secara umum dan tidak membandingkan hikayat tersebut dengan sumber-sumber lain seperti al-Qur’ān dan sebagainya sepertimana yang akan penulis kaji.

³Salāḥ al-Khālidī (1991), *Isrā ’īliyyāt Mu’āṣarah*, Jordan: Dār ‘Ammān, h. 10.

⁴Ismail Hamid (1982), “Unsur-Unsur Lagenda dalam Hikayat Melayu yang Bercorak Islam” (Simposium Antarabangsa Kesusastraan Melayu Tradisional di UKM Bangi, 4-6 November 1982).

Seterusnya terdapat beberapa kajian yang dilakukan khusus mengenai manuskrip Melayu, namun ia dikaji dari aspek yang berbeza. Aspek pertama lebih memfokuskan kepada manuskrip berkaitan ḥadīth. Kajian ini bertajuk Riwayat *Isrā’ ilitiyāt*: Pengaruhnya dalam Manuskrip Ḥadīth di Alam Melayu (2004).⁵ Manakala aspek kedua memfokuskan kepada *Hikayat Mukjizat Nabi*. Namun naskhah yang dikajinya tidak sama dengan naskhah yang akan dikaji oleh penulis dan ia telah dikaji dari sudut kesusasteraan seperti watak dan perwatakan, latar belakang tempat dan sebagainya. Kajian tersebut ialah *Kifāyah al-Muhtāj fī al-Isrā’ wa al-Mi’rāj* : Analisis dan Penurunan Teks (1989),⁶ Manuskrip *Isrā’* dan *Mi’rāj*: Satu Analisa dan Transliterasi Teks (1998)⁷ dan *Hikayat Nabi Mi’rāj*: Satu Analisis Tekstual Berdasarkan Manuskrip PNM 434(2004).⁸ Aspek ketiga adalah memfokuskan kepada Hikayat Rasulullah dan dibahaskan dari sudut kesusasteraan juga. Antaranya ialah Peranan *Hikayat Nabi Muhammad* dalam Pembinaan Kesusasteraan Nusantara (1981)⁹ dan *Hikayat Rasulullah*: Transliterasi, Perbandingan dan Analisis Teks (2000).¹⁰

Selain itu, terdapat juga kajian mengenai *Isrā’ ilitiyāt*, namun ia hanya tertumpu kepada kitab-kitab tafsir dan selainnya serta tiada kaitan dengan manuskrip.

⁵ Rosmawati Ali (2004), “Riwayat *Isrā’ ilitiyāt* : Pengaruhnya dalam Manuskrip Hadith di Alam Melayu” (Tesis ph.D, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁶ Abdul Ghaffar Muhammad (1989), “*Kifāyah al-Muhtāj fī al-Isrā’ wa al-Mi’rāj* : Analisis dan Penurunan Teks” (Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya).

⁷ Noriza Ahmad (1998), “Manuskrip *Isrā’* dan *Mi’rāj*: Satu Analisa dan Transliterasi Teks” (Latihan Ilmiah, Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). Manuskrip ini adalah berlainan dengan manuskrip yang akan penulis kaji. Ini kerana manuskrip ini adalah karangan Shaykh Abdul Samad Falembani.

⁸ Salbarina bt. Basiron (2004), “*Hikayat Nabi Mi’rāj*: Satu Analisis Tekstual Berdasarkan Manuskrip PNM 434” (Disertasi, Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia). Manuskrip ini berlainan dengan manuskrip yang akan dikaji oleh penulis. Penulis menggunakan naskhah *Hikayat Nabi Mi’rāj* (MSS 3411).

⁹ Ismail Hamid (1981), “Peranan *Hikayat Nabi Muhammad* dalam Pembinaan Kesusasteraan Nusantara” (Pertemuan Sasterawan Nusantara di Kuala Lumpur).

¹⁰ Haini bt. Wasli (2000), “*Hikayat Rasulullah*: Transliterasi, Perbandingan dan Analisis Teks” (Latihan Ilmiah, Kesusasteraan Melayu Tulin, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya).

Contohnya kajian mengenai *Isrā’iliyyāt* Dalam Pengajian Tafsir Dan Sunnah (1998),¹¹ Pengaruh *Isrā’iliyyāt* Dalam Kitab-Kitab Tafsir (1999),¹² *Isrā’iliyyāt*: Pengaruh dan Kesannya ke atas Ilmu-ilmu Islam (2001),¹³ *Isrā’iliyyāt* dalam Kitab Tafsir Melayu “*Tafsīr Nūr al-Ihsān*”: Satu Analisis (2001),¹⁴ *Isrā’iliyyāt* dalam Kisah Balqis: Ayat 23 dan 24 Surah al-Naml (2002),¹⁵ *Isrā’iliyyāt* dalam *Tafsīr Ibn Kathīr* : Suatu Kajian terhadap Nabi Ayyūb A.S (2002),¹⁶ *Isrā’iliyyāt* dalam Tafsir : Kajian terhadap Kitab *Nūr al-Ihsān*, karya Haji Muhammad Sa‘id Umar (2003),¹⁷ *Isrā’iliyyāt* dalam Tafsir : Kisah Musa dan Khiḍir (2004),¹⁸ *Tafsīr al-Nasafī* dan Riwayat *Isrā’iliyyāt* (2004),¹⁹ *Isrā’iliyyāt* dalam Kitab *Tafsīr Anwār Baīdāwī* (2004),²⁰ *Isrā’iliyyāt* dalam Tafsir al-Qur’ān : Fokus terhadap Nabi Musa A.S. (2005),²¹ *Isrā’iliyyāt* dalam Kuliah-Kuliah Agama: Kajian di Masjid-masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2005),²² Pengaruh *Isrā’iliyyāt* Dalam Pengkisahan *Aṣḥāb Al-Kahfī*: Sorotan Kisah ini menurut Kitab : “*Al-Durr al-Basīm fī Aṣḥāb al-*

¹¹Ishak Hj. Sulaiman (1998), “*Isrā’iliyyāt* Dalam Pengajian Tafsir Dan Sunnah”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 8, Disember 1998.

¹²Mohd Nazri bin Ahmad (1999), “Pengaruh *Isrā’iliyyāt* Dalam Kitab-Kitab Tafsir” (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

¹³Hamzah bin Yaakob (2001), “*Isrā’iliyyāt*: Pengaruh dan Kesannya ke atas Ilmu-ilmu Islam”, *Jurnal Darul Quran*, Bil. 7, November 2001.

¹⁴Mazlan Ibrahim (2001), “*Isrā’iliyyāt* dalam Kitab Tafsir Melayu “*Tafsīr Nūr al-Ihsān*”: Satu Analisis”, *Jurnal Pembangunan Sosial*, Universiti Utara Malaysia, Jil.3, Disember 2001.

¹⁵Sharifah Radziah Wan Mohammad Affandi (2002), “*Isrā’iliyyāt* dalam Kisah Balqis : Ayat 23 dan 24 Surah al-Naml” (Latihan Ilmiah, Jabatan Al-Qur’ān dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹⁶Intan Maizura Mansor(2002), “*Isrā’iliyyāt* dalam *Tafsīr Ibn Kathīr* : Suatu Kajian terhadap Nabi Ayyub A.S” (Latihan Ilmiah, Jabatan Al-Qur’ān dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹⁷Muhammad Ismi Mat Taib (2003), “*Isrā’iliyyāt* dalam Tafsir : Kajian terhadap Kitab *Nūr al-Ihsān*, karya Haji Muhammad Sa‘id ‘Umar” (Disertasi, Jabatan Al-Qur’ān dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹⁸Wan Rohayu Wan Semanis (2004), “*Isrā’iliyyāt* dalam Tafsir : Kisah Musa dan Khiḍir” (Disertasi, Jabatan Al-Qur’ān dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹⁹Abdul Rashid Ahmad (2004) “*Tafsīr al-Nasafī* dan Riwayat *Isrā’iliyyāt*”, *Jurnal Al-Qur’ān dan Al-Hadith*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Bil. 2, April 2004.

²⁰Mazlan Ibrahim & Ahmed Kamel Mohammad (2004), “*Isrā’iliyyāt* dalam Kitab *Tafsīr Anwār Baīdāwī*”, *Jurnal Islamiyyat*, Jil 2, Bil. 26, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

²¹Khairunnisa Ismail (2005), “*Isrā’iliyyāt* dalam Tafsir Al-Qur’ān: Fokus terhadap Nabi Musa A.S” (Disertasi, Jabatan Al-Qur’ān dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²²Ibrahim Abdullah (2005), “*Isrā’iliyyāt* dalam Kuliah-Kuliah Agama : Kajian di Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” (Disertasi, Jabatan Al-Qur’ān dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Kahfi wa al-Raqim” karangan Shaykh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatānī dan Perbandingannya dengan Sumber Muktabar (2005),²³ Riwayat *Isrā’iliyyāt* dan Kesan Negatifnya terhadap Islam dalam Era Kemajuan Maklumat (2005),²⁴ Kisah al-Qur’ān : Kajian terhadap Unsur-Unsur *Isrā’iliyyāt* dalam Bayan Jamaah Tabligh di Daerah Thepha, Songkhla, Thailand (2006),²⁵ *Isrā’iliyyāt* dalam Kisah Para Nabi : Kajian terhadap Kepercayaan Masyarakat Melayu Patani (2006)²⁶, Pengaruh *Isrā’iliyyāt* terhadap Iktikad M (2007),²⁷ *Isrā’iliyyāt* Moden : Tumpuan terhadap Hedonisme (2007),²⁸ *Tafsīr al-Jalālayn*: Satu kajian dari Aspek *Isrā’iliyyāt* (2007)²⁹, *Al-Isrā’iliyyāt fī al-Mu'allafāt Al-Wa’ziyah al-Sirilankiyah: Kitab Nabi Markal Waralaru (Qiṣaṣ Al-Anbiyā’)* Annamūdhajān (2008)³⁰ dan *Al-Riwayah al-Isrā’iliyyah fī Tafsīr al-Tabarī*.³¹

Kesimpulannya, penulis mendapati kajian-kajian lepas masih belum menyentuh aspek-aspek yang hendak dikaji oleh penulis, maka penulis tertarik untuk

²³Syarifah Neny Eryana Tuan Syed (2005), “Pengaruh *Isrā’iliyyāt* Dalam Pengisahan *Aṣḥāb Al-Kahfī*: Sorotan Kisah ini menurut Kitab “*Al-Durr al-Basīm fī Aṣḥāb al-Kahfī wa al-Raqim*” karangan Shaykh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatānī dan Perbandingannya dengan Sumber Muktabar” (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

²⁴Mohd. Asri Zainul Abidin (2005) “Riwayat *Isrā’iliyyāt* dan Kesan Negatifnya terhadap Islam dalam Era Kemajuan Maklumat” (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa al-Qur’ān di Kuala Lumpur).

²⁵Riduwan Asea (2006), “Kisah al-Qur’ān : Kajian terhadap Unsur-Unsur *Isrā’iliyyāt* dalam Bayan Jamaah Tabligh di Daerah Thepha, Songkhla, Thailand” (Disertasi, Jabatan Al-Qur’ān dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁶Hisam Hayimaming (2006), “*Isrā’iliyyāt* dalam Kisah Para Nabi : Kajian terhadap Kepercayaan Masyarakat Melayu Patani” (Disertasi, Jabatan Al-Qur’ān dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁷Khairuddin Sombar (2007), “Pengaruh *Isrā’iliyyāt* terhadap Iktikad M” (Latihan Ilmiah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁸Mohd Ghazali Md Nor (2007), “*Isrā’iliyyāt* Moden : Tumpuan terhadap Hedonisme” (Latihan Ilmiah, Jabatan Al-Qur’ān dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁹Ayu Baharuddin (2007), “*Tafsīr al-Jalālayn* : Satu Kajian dari Aspek *Isrā’iliyyāt*” (Latihan Ilmiah, Jabatan Al-Qur’ān dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

³⁰Mohd Mursalin b. Mohd Ahmad A (2008), “*Al-Isrā’iliyyāt fī al-Mu'allafāt al-Wa’ziyah al-Sirilankiyah: Kitab Nabi Markal Waralaru (Qiṣaṣ Al-Anbiyā’)* Annamūdhajān” (Tesis ph.D, Universiti Islam Antarabangsa).

³¹Ahmad Najib Bin Abdullah (t.t), “*Al-Riwayah al-Isrā’iliyyah fī Tafsīr al-Tabarī*” (Tesis Ph.D, Universiti Islam Madinah).

mengkaji tentang “*Isrā’ īliyyāt* Dalam Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap *Hikayat Mukjizat Nabi*.³²

0.9 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.³² Ia amat penting untuk mengetahui bagaimana data-data mengenai kajian diperolehi, dikumpul dan seterusnya dianalisis. Dalam menyempurnakan kajian ini, penulis akan menggunakan dua metode utama dalam mencari dan mengumpul data serta menganalisis bahan kajian. Metode-metode tersebut ialah:

- i. Metode Pengumpulan Data
- ii. Metode Analisis Data

0.9.1 METODE PENGUMPULAN DATA

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif³³ di mana penulis banyak memanfaatkan perkhidmatan perpustakaan bagi mendapatkan maklumat. Oleh itu, di dalam mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan kajian, penulis telah menggunakan dua metode. Antaranya ialah:

³²Teuku Iskandar (1986), *Kamus Dewan*, c. 3, Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h.763.

³³Kualitatif bermaksud penyelidikan empirikal yang datanya bukan dalam bentuk nombor. Rujuk Noraini Idris (2010), *Penyelidikan dalam Pendidikan*, KL: M C Graw Hill Sdn. Bhd., h. 276.

i. Metode Dokumentasi

Metode ini digunakan oleh penulis untuk mengumpul data dari bahan-bahan bertulis sama ada sumber primer atau sekunder. Sumber primer ialah sumber awalan atau sumber pertama, sumber sezaman yang masih dalam bentuk asal atau asli yang belum ditafsir. Ia berupa bahan bertulis atau tidak bertulis.³⁴ Sumber primer yang digunakan penulis dalam kajian ini ialah manuskrip Melayu yang bertajuk *Hikayat Mukjizat Nabi* di mana ia terdiri daripada *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan *Hikayat Mi'rāj Nabi*. Manakala sumber sekunder ialah penyelidikan yang dijalankan oleh seseorang penyelidik sejarah tentang sesuatu peristiwa atau tokoh sejarah berdasarkan sumber primer. Ia dikenali sebagai sumber kedua.³⁵ Dalam kajian ini penulis menggunakan buku, tesis, disertasi, jurnal, kajian-kajian ilmiah dan sebagainya yang berkaitan dengan kajian. Metode ini digunakan penulis dalam bab satu hingga bab ketiga iaitu ia mendominasi metodologi kajian untuk mengumpulkan data.

ii. Metode Historis

Metode historis dikenali juga sebagai kajian sejarah yang bermaksud pengumpulan data secara sistematik terhadap peristiwa yang berlaku pada masa lepas. Ia bertujuan untuk menghuraikan peristiwa masa lampau dan meramal peristiwa yang akan berlaku pada masa hadapan.³⁶ Metode ini digunakan dalam bab satu dan bab dua iaitu untuk mencari fakta-fakta yang berkaitan dengan subjek kajian dari perspektif sejarah. Oleh itu, penulis akan mencari maklumat tentang

³⁴Ibid.,h. 408.

³⁵Ibid.,h. 410.

³⁶Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Penyelidikan*, KL: M C Graw Hill Sdn. Bhd., h. 172.

sejarah *Isrā' īliyyāt* dan manuskrip Melayu serta maklumat yang berkaitan dengannya.

0.9.2 METODE ANALISIS DATA

Metode analisis data bermaksud proses mengatur, menstruktur dan menginterpretasi data yang telah di kumpul.³⁷ Dalam menganalisis data, penulis menggunakan tiga kaedah iaitu :

i. Metode Induktif

Penulis menggunakan metode ini bagi mendapatkan latar belakang manuskrip iaitu *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan *Hikayat Mi'rāj Nabi*.

ii. Metode Deduktif

Penulis menggunakan metode ini ketika menganalisis satu kesimpulan yang nyata berdasarkan kepada bukti-bukti umum untuk mencari bukti-bukti khusus. Metode ini juga digunakan ketika mencari *Isrā' īliyyāt* dalam manuskrip *Hikayat Para Nabi* secara umum terlebih dahulu sebelum memperincikannya berkaitan dengan *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan *Hikayat Mi'rāj Nabi*.

Metode ini banyak diaplikasi dalam bab ketiga.

³⁷Othman Lebar (2009), *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode*, c. 3, Selangor: Univision Press Sdn. Bhd., h. 152.

iii. Metode Komparatif

Metode ini pula merupakan satu cara bagi membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan data-data yang diperolehi. Justeru itu, metode ini digunakan ketika penulis membandingkan di antara ketiga-tiga *Hikayat Mukjizat Nabi*.

0.10. SISTEMATIKA PENULISAN

Penulis telah membahagikan kajian ini kepada lima bab. Dalam pendahuluan, penulis telah menghuraikan latar belakang masalah, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk dan skop kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Bab pertama, penulis akan menyoroti sejarah penulisan manuskrip Melayu. Dalam bab ini, penulis akan menceritakan secara ringkas sejarah kemunculan manuskrip Melayu yang berkait rapat dengan dakwah Islam dan tulisan Jawi. Selain itu, penulis juga akan menghuraikan bentuk dan sifat manuskrip dari aspek tulisan, alatan yang digunakan untuk penulisan manuskrip, seni hiasan dan penjilidan manuskrip.

Bab kedua pula, penulis akan memperkenalkan *Isrā’iliyyāt* dalam manuskrip Melayu. Dalam bab ini penulis akan memuatkan definisi *Isrā’iliyyāt* dari segi bahasa dan istilah serta manuskrip Melayu. Seterusnya penulis akan menghuraikan faktor kemasukan *Isrā’iliyyāt* dalam manuskrip Melayu beserta contoh-contoh manuskrip Melayu yang mengandungi *Isrā’iliyyāt*.

Bab ketiga pula, penulis akan memperkenalkan latar belakang manuskrip *Hikayat Mukjizat Nabi* yang terdiri daripada manuskrip *Hikayat Bulan Berbelah*, manuskrip *Hikayat Nabi Bercukur* dan manuskrip *Hikayat Mi'rāj Nabi*. Dalam ketiga-tiga manuskrip ini, penulis akan menghuraikan mengenai keterangan naskhah, pengarang naskhah, keadaan naskhah, ukuran naskhah dan tulisan yang digunakan, kolofon, metode pengarang manuskrip, serta sinopsis ketiga-tiga manuskrip tersebut.

Seterusnya bab keempat penulis akan menganalisis unsur-unsur *Isrā'īliyyāt* dalam manuskrip *Hikayat Mukjizat Nabi* serta ulasan penulis. Penulis juga akan memaparkan kekerapan *Isrā'īliyyāt* dalam manuskrip *Hikayat Mukjizat Nabi* dengan mendatangkan jadual dan graf. Ini bagi memudahkan pembaca melihat secara terperinci *Isrā'īliyyāt* yang terkandung di dalam manuskrip ini.

Manakala bab kelima merupakan bab terakhir bagi kajian ini. Penulis akan mengemukakan rumusan daripada kajian penulis serta cadangan dan saranan daripada pelbagai pihak bagi pengkaji-pengkaji yang akan datang.